



PEJABAT MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(WILAYAH PERSEKUTUAN)

**SEMBAH UCAPAN**

**YB DR. ZALIHA MUSTAFA**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**  
**(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

**SEMPENA**

**MAJLIS PERASMIAN**  
**FESTIVAL BUNGA DAN TAMAN DIRAJA**  
**PUTRAJAYA 2024**  
**(ROYAL FLORIA PUTRAJAYA 2024)**

**22 OGOS 2024**

**PERSISIRAN TASIK**  
**PRESINT 2, PUTRAJAYA**

Terima kasih pengacara majlis.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ

الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ

الْعَالَمِينَ،

وَالصَّلَاةِ

وَالسَّلَامِ عَلَى

سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ

أَشْرَفِ

المرسلين و  
وعلى آله  
وصحبه أجمعين

Assalamualaikum                      warahmatullahi  
wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam  
Malaysia MADANI.

**MUQADDIMAH**

Menghadap

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka  
Baginda Raja Permaisuri Agong  
Raja Zarith Sofiah

Ampun Tuanku Beribu Ampuan  
Sembah Patik Pohon Diampun

1. Patik merangkaikan ucapan setinggi-tinggi junjungan kasih atas limpah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku berangkat bercemar duli dan menyempurnakan penganjuran Festival Floria Diraja Putrajaya 2024 pada pagi ini.
2. Sesungguhnya keberangkatan Kebawah Duli Tuanku ke festival ini

amat memberi makna yang cukup besar buat patik-patik sekalian rakyat.

## **PENDAHULUAN**

3. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia-Nya, dapat kita berkumpul pada pagi ini untuk bersama-sama meraikan penganjuran Royal Floria Putrajaya 2024.
  
4. Festival yang bertemakan “Raikan Bersama” ini diadakan bersempena dengan sambutan Bulan Kebangsaan

dan akan berlangsung dari 22 Ogos  
hingga 1 September 2024.

**IMPAK POSITIF ROYAL FLORIA  
PUTRAJAYA TERHADAP EKO-  
PELANCONGAN**

Ampun Tuanku,

5. Penganjuran Royal Floria Putrajaya menunjukkan komitmen Jabatan Wilayah Persekutuan melalui Perbadanan Putrajaya dalam

merealisasikan aspirasi untuk menjadikan Putrajaya sebagai Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan yang moden, pintar dan mesra alam yang menyasarkan pengunjung melebihi 1 juta orang setanding dengan festival bunga terkemuka di Hanami Jepun, Keukenhof Gardens di Netherlands dan Floriade di Australia.

## **FESTIVAL BUNGA DAN TAMAN PEMACU EKONOMI DAN PELUANG PERNIAGAAN**

Ampun Tuanku,

6. Laporan Economic Impact Research (EIR) 2024 oleh World Travel & Tourism Council (WTTC) telah mengunjurkan sektor pelancongan Malaysia akan menyumbang sebanyak RM 198.7 bilion atau 10.5% kepada ekonomi negara pada tahun ini. Pertumbuhan ini jelas menunjukkan bahawa sektor pelancongan mempunyai potensi yang besar dalam merangsang ekonomi negara.
  
7. Sebagai salah satu pemangkin utama kepada pertumbuhan tersebut, siri ke-14 penganjuran Royal Floria Putrajaya yang mengetengahkan pelancongan berteraskan ekologi akan diteruskan



pada tahun 2026 nanti selaras dengan Tahun Melawat Malaysia 2026.

8. Selain dari merangsang pertumbuhan ekonomi, festival ini juga memainkan peranan sebagai platform untuk jalinan kerjasama antara pengusaha, pengimport serta mereka yang berkecimpung dalam bidang hortikultur dan pertanian.

**ROYAL FLORIA USAHA BERTERUSAN  
MEMUPUK CINTA ALAM SEKITAR**

Ampun Tuanku,

9. Sepanjang 13 kali penganjuran Floria Diraja ini, pelbagai program dan aktiviti pendidikan serta promosi berteraskan landskap dan perkebunan telah dianjurkan secara berterusan di Putrajaya.
  
10. Ini adalah bukti bahawa festival ini bukan sekadar satu acara dwitahunan, tetapi juga merupakan sebahagian usaha berterusan untuk memupuk kecintaan terhadap alam sekitar dalam kalangan rakyat.

## **PENUTUP**

11. Oleh itu, jutaan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan sokongan padu dalam menjayakan

festival yang penuh bersejarah bukan sahaja di Malaysia tetapi juga di peringkat antarabangsa sekaligus mengangkat Putrajaya sebagai ikon bandar dalam taman yang bersih, indah dan damai selaras dengan aspirasi Bandar CHASE Wilayah Persekutuan.

Ampun Tuanku,

12. Demikianlah sahaja persembahan ucapan patik. Sekali lagi patik dengan penuh hormat dan takzim, merafak

sembah setinggi-tinggi menjunjung kasih atas limpah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku bercemar duli menyempurnakan acara ini.

13. Patik-patik sekalian sentiasa mendoakan agar Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong dan sekalian kaum

kerabat diberi keafiatan serta dipanjangkan usia zaman untuk memerintah negara dengan penuh adil dan saksama.

Sekian, wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Menjunjung kasih Tuanku.